

## ASPIRASI KERJAYA DIKALANGAN ANAK YATIM REMAJA DI KOMPLEKS ANAK YATIM DARUL KIFAYAH

Muhammad Saifuddin Abdul Hadi & Abu Yazid Abu Bakar

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email : msbahadi@gmail.com

### Abstrak

Aspirasi dan minat memainkan peranan yang penting dalam menentukan pemilihan kerjaya seseorang individu pada masa akan datang. Secara tidak langsung, dengan adanya aspirasi kerjaya dapat menjelaskan lagi arah dan tujuan minat kerjaya anak-anak yatim remaja ini. Mencapai matlamat objektif kajian iaitu Mengenalpasti kewujudan minat kerjaya dikalangan anak-anak yatim remaja, Mengenalpasti keupayaan diri anak-anak yatim remaja untuk mencapai matlamat kerjaya dan Mengenalpasti tahap pengetahuan anak-anak yatim remaja terhadap pemilihan kerjaya. Dari segi pencapaian dalam akademik pula, banyak kajian-kajian yang juga membuktikan bahawa keyatiman kanak-kanak sangat menjejaskan aspirasi, semangat, minat, dan motivasi kanak-kanak dalam pendidikan. Mereka ini seolah-oleh merasa hilang tempat untuk berkongsi rasa gembira dan bangga jika berjaya dalam pendidikan atau tidak mahu lagi untuk terus berusaha (Shumow & Miller, 2001). Dapatan kajian menggunakan kajian kualitatif secara bersemuka, mendapati bahawa anak-anak yatim remaja mempunyai minat tentang kerjaya. Namun, mereka tidak ada keupayaan untuk mencapai matlamat kerjayanya dan tidak mempunyai pengetahuan berkaitan pemilihan minat kerjaya. Kajian ini menunjukkan bahawa anak-anak yatim memerlukan sokongan daripada ibu bapa, penjaga ataupun guru-guru sebagai pembimbing terhadap usaha untuk mencapai kejayaan anak-anak ini.

**Kata kunci :** Aspirasi, Kerjaya, Anak Yatim Remaja

### Abstract

*Career in the future of a person can be determined by important role which are aspirations and interests. Indirectly, the direction and purpose of the teenager's orphans' can be explained by their aspiration of a career. The objectives of the study is to identify the existence of career interests among teenage orphans, to identify the ability of teenage orphans to achieve career goals and to identify the level of knowledge of teenage orphans on career choice. In terms of academic achievement, many studies have also proven that children's beliefs greatly affect the aspirations, spirits, interests, and motivations of children in education. They seem to have lost their place to share their joys and pride if successful in education or do not want to continue to work (Shumow & Miller, 2001). The findings using a face-to-face qualitative study found that teenage orphans had an interest in career. However, they have no ability to achieve their career goals and have no knowledge of career choice. This study shows that orphans need support from parents, guardians or teachers as counselors on the efforts to achieve the success of these children.*

**Keywords:** Inspiration, Career, orphan teenager, academic

### 1.0 PENGENALAN

Anak yatim merupakan anak yang ketiadaan ibu atau bapa. Anak yatim juga merupakan anak yang mulia di sisi Allah Taala mahupun sesama manusia yang lain. Mulia di sini bermaksud, mereka ini adalah insan yang menghadapi ujian ketiadaan ibu atau ayah dalam kehidupan mereka. Sinonim dengan perhatian masyarakat, bahawa anak-anak yatim ini seringkali diberi perhatian dan tumpuan yang khusus berbanding dengan ujian yang lain dihadapi oleh kehidupan manusia.

Namun begitu, perhatian yang seringkali diberikan oleh masyarakat khususnya di Malaysia ini berpandukan dengan keperluan mereka. Sebagai contoh makan, minum, pakaian, tempat tinggal, keselamatan dan pendidikan. Selaras dengan firman Allah Taala di dalam Surah al-Baqarah, ayat 220 iaitu:

Maksudnya :

"Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak yatim. Katakanlah, memperbaiki keadaan anak yatim itu amatlah baiknya dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara kamu (yang seagama) dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Dia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa Lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Baqarah, ayat 220)

Ayat di atas menjelaskan kepada manusia bahawa kehidupan anak-anak yatim perlulah dipelihara dengan sebaiknya. Anak yatim juga merupakan amanah Allah Taala kepada manusia agar memberikan layanan yang baik dan sempurna. Namun begitu, anak-anak yatim bukan sahaja perlu diberi perhatian seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal, keselamatan dan pendidikan sahaja, malah kepekaan di dalam bidang kerjaya anak-anak yatim juga perlu diberi perhatian dan tumpuan yang penting. Ini kerana, kerjaya merupakan kejayaan dan nilai yang tinggi untuk masa hadapan anak-anak yatim. Kehidupan dengan kerjaya yang baik, dapat memberikan kesamarataan terhadap insan yang lain serta dapat memenuhi kehendak dan keperluan anak-anak yatim pada masa hadapan.

Justeru itu, anak-anak yatim juga mempunyai minat dan cita-cita yang mereka ingin capai seperti anak-anak yang lain. Oleh itu, mereka seharusnya diberikan peluang dan ruang sama seperti individu lain supaya mereka tidak berasa terpinggir dalam menuntut ilmu di institusi awam ataupun swasta.

## **2.0 LATARBELAKANG / PERNYATAAN MASALAH**

Pendidikan merupakan cara yang paling berkesan untuk meningkatkan taraf hidup dan dapat menjadikan seseorang individu itu lebih berdikari. Selain itu, walaupun golongan anak-anak yatim ini tiada ibu ataupun bapa tetapi mereka masih lagi mempunyai minat serta cita-cita setanding individu lain yang masih mempunyai ibu dan bapa. Namun begitu, terdapat segelintir daripada golongan ini yang masih lagi terpacu mencari kerjaya yang sesuai dengan diri mereka.

Oleh itu, terdapat suara-suara sumbang yang menyatakan bahawa anak-anak yatim tidak dapat bersaing dengan individu yang masih mempunyai ibu bapa disebabkan tiadanya pendorong yang boleh mengerakkan semangat mereka dalam pembelajaran mahupun pekerjaan. Jika dilihat oleh sebab mereka anak yatim yang tiada ibu bapa membuatkan mereka lebih cepat terpengaruh dengan rakan sebaya dan terlibat dengan gejala tidak sihat.

Maka, hal seperti ini telah menimbulkan persepsi yang negatif kepada masyarakat dan seterusnya kurangnya penawaran pekerjaan kepada golongan anak-anak yatim. Tambahan pula, terdapat segelintir daripada anak-anak ini yang kurang mendapat pendedahan berkenaan kerjaya yang mereka akan hadapi kelak. Jika mereka mendapat kerjaya yang baik maka mereka tidak perlu lagi bergantung kepada individu lain dan mereka akan lebih berdikari untuk menghadapi kehidupan mereka. Malahan, mereka sudah tiada individu yang boleh menjaga mereka apabila mereka keluar daripada rumah anak-anak yatim.

Terdapat juga masalah berkaitan kurangnya keyakinan diri dalam golongan ini. Hal ini, membuatkan mereka lebih gemar untuk mengasingkan diri daripada masyarakat serta ada antara mereka yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Oleh yang demikian, anak-anak yatim ini perlu diberikan peluang sama rata dengan kanak-kanak yang masih mempunyai ibu dan bapa. Tanpa aspirasi anak-anak ini akan melakukan kesilapan dalam memilih kerjaya mereka. Hal ini kerana mereka tiada pendorong ataupun individu yang boleh membantu mereka dalam membuat pemilihan kerjaya yang betul mengikut tahap diri mereka.

Masyarakat juga masih menunjukkan persepsi negatif dan prajudis terdapat golongan ini terhadap keupayaan mereka dalam bidang kerjaya walaupun mereka sememangnya mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu. Oleh sebab itu, masyarakat perlu dipupuk dengan sikap-sikap positif supaya golongan ini dapat diterima oleh masyarakat serta diberi peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat.

Berdasarkan kepada isu kerjaya dalam kalangan anak-anak yatim ini, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan anak-anak yatim ini berada dalam landasan kerjaya yang betul untuk mencapai aspirasi kerjaya mereka. Kajian ini juga lebih menfokuskan kepada penilaian anak-anak yatim terhadap kepercayaan dan keupayaan diri serta keinginan untuk mencapai aspirasi kerjaya..

## **3.0 SOROTAN KAJIAN / KAJIAN LITERATUR**

Menurut (Team Redaksi Buletin Lengkong Besar dari Mahasiswa 2004) dalam ensiklopedia Islam, mengertikan bahawa yatim merupakan seseorang yang tidak memperoleh layanan yang layak serta

penghormatan. Terminologi 'anak yatim' yang terdapat dalam surah al-Ma'un, ayat 2 menyatakan bahawa anak yatim bukannya seorang individu yang telah kehilangan ibu dan ayahnya tetapi anak yang tidak mendapatkan akses sosial secara optimal, yakni pendidikan, ekonomi, kesihatan, perlindungan daripada kekerasan dan masih lain-lain lagi (Arif Anwar dan rakan-rakan. 2015)

Menurut Myra P. Alday-Bersoto. 2015, di dalam kajiannya berkaitan Pembangunan Model Advokasi Bimbingan Kerjaya untuk Anak-Anak Yatim dan Kanak-kanak Yang Ditinggalkan, mendapati bahawa matlamat pekerjaan kanak-kanak, pembentuk aspirasi kerjaya dan proses bagaimana aspirasi kerjaya mereka dibangunkan adalah asas dari model advokasi bimbingan kerjaya (CGAM) untuk anak-anak yatim dan anak-anak yang dibiarkan. Matlamat kerja yang dilaporkan telah dikategorikan kepada tiga bidang kerjaya iaitu, Profesion Perkhidmatan Manusia, Profesion Kesihatan Dan Profesion Teknologi Perindustrian Dan Kejuruteraan. Manakala pembentuk aspirasi kerjaya juga mempunyai 3 bentuk iaitu, pertama, iklim persekitaran, konsep sendiri pekerjaan, dan pengalaman positif terhadap keluarga. Matlamat Pekerjaan Penyelidik mengkategorikan anak-anak yatim dan kanak-kanak yang ditinggalkan melaporkan matlamat pekerjaan (respons kepada soalan proaktif apabila saya membesar dalam aktiviti lukisan) dalam kategori menggunakan bidang kerjaya di dalam Pendidikan Kerjaya 16 Kerjaya Kluster. Matlamat pekerjaan ini ditentukan melalui analisis yang teliti terhadap lukisan mereka yang ditambah dengan cerita dan penjelasan kanak-kanak tentang lukisan mereka.

Proses ini direka bukan sahaja untuk menentukan aspirasi kerjaya anak-anak yatim dan anak-anak yang terbiar tetapi juga untuk mengetahui emosi para peserta. Proses ini membolehkan kanak-kanak membuat impian mereka selama 20 minit, separuh darinya diperuntukkan untuk perkongsian dan penjelasan kanak-kanak tentang ilustrasi mereka. Fasa ini memberikan penyelidik dengan gambaran tentang para peserta "masa lalu dan persepsi mereka tentang masa depan mereka. Sejalan dengan matlamat yang dilaporkan, mendedahkan tiga bidang kerjaya yang sangat popular iaitu Profesion Perkhidmatan Manusia, Profesion Kesihatan Dan Profesion Teknologi Perindustrian Dan Kejuruteraan.

Dari segi pencapaian dalam akademik pula, banyak kajian-kajian yang juga membuktikan bahawa keyatiman kanak-kanak sangat menjejaskan aspirasi, semangat, minat, dan motivasi kanak-kanak dalam pendidikan – seolah-olah kanak-kanak merasa hilang tempat untuk berkongsi rasa gembira dan bangga jika berjaya dalam pendidikan atau tidak mahu lagi untuk terus berusaha (Shumow & Miller, 2001). Ini kerana, menurut Asmawati (2009), aspirasi dan ekspektasi ibu bapa adalah faktor yang mendorong anak-anak untuk rajin berusaha – namun, apabila ekspektasi itu sudah tiada, maka kanak-kanak yatim menjadi hilang pedoman dan tidak keruan, akhirnya mereka tiada bersemangat untuk menumpukan perhatian terhadap pendidikan, dan pencapaian mereka turut terjejas. Dalam hal ini, siapakah yang perlu mengambil tindakan membantu kanak-kanak ini, dan bagaimanakah mereka dapat dibantu? Persoalan ini adalah kompleks dan memerlukan persefahaman yang tinggi dari semua pihak, khususnya pihak yang menjadi penjaga kepada kanak-kanak ini dan guru-guru mereka.

### **3.1 REKABENTUK KAJIAN**

Rekabentuk kajian ini mengenai Aspirasi Kerjaya Di Kalangan Remaja Anak Yatim di Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Batu Caves, Selangor. Rekabentuk kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan dan memberikan gambaran mengenai proses pengumpulan data. Penyelidik telah memilih kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Penyelidik juga mengambil kira beberapa aspek dengan mengenalpasti masalah kajian terlebih dahulu, seterusnya pemilihan tajuk kajian dan menentukan sampel kajian.

### **3.2 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN**

Menurut Bryman (2001), populasi adalah sekumpulan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang hendak diuji dan sampel dipilih dalam kalangan populasi. Salah satu aspek penting yang perlu diambil kira adalah mengenai pemilihan sampel kajian. Hal ini kerana pemilihan sampel tersebut mesti menepati ciri-ciri populasi kajian supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan. (Najib, 2003). Oleh yang demikian, penyelidik telah memilih responden yang terdiri daripada anak yatim lelaki dan perempuan yang merupakan pelajar tingkatan 4 dan 5 seramai 51 responden secara keseluruhan.

### **3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Data diperolehi daripada aktiviti yang dijalankan semasa melakukan Latihan Praktikum di Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah. Aktiviti yang dijalankan telah menyediakan modul yang bertajuk Cita-Cita Terbilang. Objektif modul ini bertujuan untuk meneroka cita-cita responden. Dalam masa sama,

dapat memberikan kesedaran kepada responden bahawa setiap dari mereka mempunyai cita-cita bagi menjamin masa hadapan yang lebih baik dan membolehkan di antara mereka melihat kekuatan, kelemahan, halangan dan usaha dalam mencapai cita-cita yang diimpikan.

Permulaan kajian ini, penyelidik telah berbincang bersama Penyelia Akademik bagi menentukan objektif dan matlamat kajian. Langkah seterusnya, penyelidik telah bertemu bersama pegawai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di unit Pembangunan Modal Insan untuk menjalankan penyelidikan ini. Kemudian pada itu, penyelidik telah dihantar di lokasi kajian dan diperkenalkan kepada Pengetua Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah tersebut. Perkenalan ini telah membantu penyelidik untuk menjalankan kajian tersebut. Langkah ini bertujuan untuk mencapai matlamat dan sasaran kajian yang ingin dijalankan.

Pada peringkat pertama penyelidikan ini, bermula dengan penyusunan jadual yang bersesuaian dengan rutin harian para responden agar aktiviti yang ingin dijalankan ini dapat mengikut kehendak dan matlamat kajian. Responden merupakan pelajar sekolah dan mempunyai masa serta jadual yang telah diatur oleh pihak pentadbiran Kompleks. Namun begitu, bagi melancarkan proses kajian ini, penyelidik perlu menyusun jadual dengan sebaiknya.

Untuk mengadakan aktiviti ini, penyelidik telah dibantu oleh pihak Hal-Ehwal pelajar dengan memanggil responden pada hari dan masa mengikut penyusunan jadual yang telah disusun oleh penyelidik. Selepas pada itu, responden kajian akan bersama penyelidik untuk menjalankan aktiviti. Sasaran responden ialah mereka yang berstatus 'anak yatim' dan merupakan pelajar tingkatan 4 dan 5. Seramai 51 orang responden, yang terdiri daripada pelajar perempuan tingkatan 4 seramai 18 orang dan lelaki 8 orang. Manakala pelajar perempuan tingkatan 5 seramai 12 orang dan lelaki 13 orang. Secara keseluruhan responden ialah 51 orang.

Penyelidikan ini, dibahagikan kepada 9 kumpulan yang membawa kepada 9 kali perjumpaan dan akan berlangsung sehingga selesai mengikut jadual yang telah disusun. Pertemuan pertama bermula dengan pelajar lelaki tingkatan 4 seramai 4 orang secara berkumpulan. Aktiviti bermula dengan sesi suai kenal bersama penyelidik dan sesama ahli kumpulan. Proses membina hubungan dan penerokaan bermula di peringkat pertama ini.

Langkah seterusnya bermula dengan aktiviti yang ingin dijalankan mengikut penyusunan modul yang telah disediakan. Para responden diberikan kertas bersaiz A4 dan meminta peserta melipat kertas tersebut menjadikan 4 bahagian. Kemudian, peserta perlu menulis tentang cita-cita mereka diikuti dengan minat kerjaya yang paling disukai dan seterusnya. Seterusnya, responden perlu menulis 4 perkara yang menjadikan kekuatan, kelemahan, halangan dan usaha pada pemilihan kerjaya tersebut.

Selepas melakukan aktiviti tersebut, penyelidik berperanan sebagai fasilitator dengan menggalakan setiap ahli kumpulan perlu berkongsi maklumat berkaitan apa yang telah ditulis oleh setiap responden. Penyelidik juga berkongsi maklumat mengenai apa yang telah dikongsi oleh responden berkaitan dengan kekuatan, kelemahan, halangan dan usaha yang telah ditulis di dalam aktiviti ini.

Diakhir aktiviti ini, penyelidik membuat pergulungan dan rumusan berkaitan maklumat kerjaya kepada responden dengan harapan penyelidik bahawa setiap responden dapat mencelik akal terhadap kepentingan kerjaya dan dapat mencapai cita-cita yang diimpikan tercapai pada masa akan datang. Aktiviti ini juga merupakan data penyelidikan yang ingin dikaji oleh penyelidik berkaitan dengan aspirasi kerjaya dikalangan remaja anak-anak yatim.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Untuk penyelidikan ini, penyelidik telah menjalankan kajian dengan mengadakan aktiviti berdasarkan modul kerjaya yang telah dibina sebagai pendekatan di dalam penyelidikan ini. Modul yang disediakan ini merupakan modul yang telah digunakan pada program kerjaya sebelum ini. Modul ini juga telah dirujuk oleh penyelia akademik terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti penyelidikan ini. Penyediaan modul ini menetapkan matlamat dan objektif kajian yang ingin dijalankan bagi mendapatkan hasil penyelidikan yang sempurna dan tidak tersasar pada matlamat penyelidikan. Modul ini juga membantu penyelidik bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan aspirasi kerjaya dikalangan anak yatim.

Penyelidikan ini juga secara tidak langsung, telah menggunakan pendekatan secara 'temu bual' bersama responden. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka dengan menjalankan aktiviti mengikut modul yang disediakan. Selain itu, melalui temu bual secara bersemuka ini juga merupakan salah satu cara untuk mengumpulkan data dengan menjalankan temu bual secara langsung. Hal ini kerana, dengan cara bersemuka ini membolehkan penyelidik meneroka dan membina hubungan yang baik bersama responden. Melalui cara ini, dapat memberikan keselesaan kepada responden untuk berkongsi maklumat bersama penyelidik dan sesama ahli kumpulan yang lain.

#### 4.0 RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Kedua

UTUSAN MALAYSIA: 22 Ogos 2015. [http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/karnival-kerjaya-beripendedahan-kepada-pelajar Sekolah Medini-1.127445#ixzz5JtQ5kzPD](http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/karnival-kerjaya-beripendedahan-kepada-pelajar-Sekolah-Medini-1.127445#ixzz5JtQ5kzPD)

Myra P. Alday-Bersoto. 2015, Development of Career Guidance Advocacy Model for Orphans and Abandoned Children, Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research, Vol. 3, No. 4, November 2015 Part II. College of Arts and Sciences, Batangas State University, Rizal Avenue, Batangas City, Philippines

Nurinahafiza. 2013. Keberkesanan Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam Membantu Kerjaya Pelajar Politeknik. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Nurul Hariza. 2012. Aspirasi Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran di Politeknik. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Siti Nor Yaacob Anita Abdul Rahman (1997). Depresi Dan Pencapaian Akademik Remaja Dari Keluarga Berbeza Struktur. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, USM. Jilid 15.

Suresh Kumar N Vellymalay. (2011). Sikap dan Tingkah Laku Remaja Terhadap Pembelajaran di Sekolah: Satu Kajian Kes di Rumah Kanak-kanak. Jurnal Pendidikan Malaysia, 36(2), 2532.

Tan Tai. 2013. Tahap Kesedaran Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam di Daerah Kluang dalam pemilihan kerjaya. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Tolbert. 1974. Counselling for Career Development. Houghton Mifflin Co. Boston.

Zairoslawanee Binti Zaib, 2014, Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

BERITA ONLINE: 04 Mei 2017. "Anak-anak yatim adalah amanah untuk saya" <http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/anak-anak-yatim-amanah-untuk-saya1.477293>